

KAJIAN EMPIRIKAL KE ATAS PELAPORAN PENYATA ALIRAN TUNAI DI MALAYSIA: SATU KAJIAN AWAL

Mohd. Noor Azli b. Ali Khan
Jabatan Pengurusan
m-nazli@utm.my

Abstrak

Kajian ini adalah satu kajian awal tentang pelaporan penyata aliran tunai di Malaysia. Teknik persampelan secara rawak digunakan dalam kajian ini dan sebanyak 98 buah syarikat dipilih daripada 513 buah syarikat yang tersenarai di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sehingga 20 Julai 2001 yang terdiri daripada pelbagai industri. Laporan tahunan sampel syarikat disemak dan digunakan untuk menganalisis praktis yang diamalkan oleh syarikat yang tersenarai di BSKL. Kajian ini turut mengenal pasti kaedah yang biasa digunakan dalam melaporkan aliran tunai daripada aktiviti kendalian dan amalan pengelasan bagi butiran faedah, dividen, dan cukai pendapatan. Hasil penemuan dalam kajian mendapati bahawa pendedahan dengan menggunakan kaedah tidak langsung adalah kerap digunakan dan seterusnya, bagi amalan pengelasan untuk butiran faedah, dividen, dan cukai pendapatan pula adalah bergantung kepada sifat dan sumber penerimaan dan pembayaran item-item tersebut.

PENGENALAN

Penyata aliran tunai digunakan untuk menganalisis aliran tunai masuk dan aliran tunai keluar. Ia merupakan kaedah yang paling penting dalam penilaian kekukuhan kewangan bagi sesuatu perniagaan kerana aliran tunai akan menentukan tingkat kecairan dan kewujudan jangka panjang perniagaan tersebut (Suruhanjaya Sekuriti, 2001).

Penyata aliran tunai merupakan satu penyata kewangan yang penting yang boleh ditambahkan dari mana-mana bahagian dalam Kunci Kira-Kira dan Akaun Untung dan Rugi. Penyata aliran tunai berkebolehan dalam menunjukkan perubahan dalam kedudukan kewangan organisasi. Penyata ini juga dapat menunjukkan pergerakan sebenar tunai dan ia bertentangan dengan Akaun Untung dan Rugi yang berdasarkan asas akrual. Penyata aliran tunai dapat menyediakan satu taksiran yang lebih objektif tentang keupayaan syarikat dalam menghasilkan tunai dan kesetaraan tunai bagi memenuhi obligasi syarikat. Penyata ini juga dapat menentukan bagaimana tunai dihasilkan dan digunakan pada satu had masa tertentu (Woon, 1999).

Di Malaysia, *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) yang ditubuhkan di bawah *Financial Reporting Act 1997*, merupakan satu badan yang bertanggungjawab untuk membangunkan dan menerbitkan piawaian perakaunan sebagai "piawaian yang diterima pakai" bagi semua syarikat di Malaysia. MASB 5 – Penyata Aliran Tunai telah dikeluarkan oleh MASB dan berkuat kuasa pada atau selepas 1 Julai 1999 bagi menggantikan *International Accounting Standards* (IAS) 7 (semakan). MASB 5 Para 1 menyatakan bahawa perusahaan perlu menyediakan penyata aliran tunai mengikut kehendak piawaian ini dan perlu membentangkannya sebagai bahagian teras penyata kewangan bagi setiap tempoh penyata kewangan dibentangkan.

Isu berkenaan pelaporan penyata aliran tunai di dalam laporan tahunan merupakan satu isu yang banyak dikaji (Jones *et al.*, 1996; Kintzele, 1997; Woon, 1999; Ng *et al.*, 1998; Krisnan & Largay III, 1998; Ng, 1999; Suruhanjaya Sekuriti, 2001). Oleh yang demikian, kajian ini merupakan satu kajian awal berkenaan pelaporan penyata aliran tunai oleh syarikat-syarikat yang tersenarai di BSKL berdasarkan MASB 5. Objektif yang cuba dicapai di dalam kajian ini adalah untuk:

- (a) Mengetahui pasti kaedah mana yang biasa digunakan oleh syarikat-syarikat di Malaysia dalam pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian.
- (b) Mengetahui pasti amalan pengelasan bagi butiran faedah, dividen dan cukai pendapatan dalam penyata aliran tunai oleh syarikat-syarikat di Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Menurut Kintzele (1997), walaupun *Statement of Financial Accounting Standards* (SFAS) mencadangkan sesebuah syarikat menggunakan kaedah langsung dalam melaporkan aliran tunai daripada aktiviti kendalian, tetapi kaedah tidak langsung adalah diterima dan digunakan oleh kebanyakan syarikat. Dalam sampel kajian yang dijalankan oleh Kintzele, hanya sebuah syarikat daripada 95 buah syarikat yang menggunakan kaedah langsung untuk melaporkan aliran tunai daripada aktiviti kendalian.

Berdasarkan kepada keperluan SFAS No. 95, apabila kaedah tidak langsung digunakan, satu penyata penyesuaian kepada pendapatan bersih perlu dipersembahkan dalam penyata aliran tunai atau dalam jadual tambahan. Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, 93 buah syarikat telah mempersembahkan penyata penyesuaian pada penyata aliran tunai dan terdapat sebuah syarikat yang mempersembahkan penyata penyesuaian sebagai nota kepada penyata kewangan. Namun begitu, tiada syarikat yang mempersembahkan penyata penyesuaian dalam bentuk jadual tambahan (Kintzele, 1997).

Ng *et al.* (1998), menjalankan kajian ke atas 92 buah syarikat di Bursa Saham Singapura yang dipilih secara rawak. Laporan tahunan bagi tahun 1995/1996 digunakan bagi tujuan kutipan data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tiga buah syarikat yang menggunakan kaedah langsung, manakala terdapat 89 syarikat yang menggunakan kaedah tidak langsung dalam melaporkan aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Seterusnya, dapatan kajian Ng *et al.* (1998), menunjukkan bahawa 79% syarikat mempersembahkan pembayaran faedah sebagai item dalam aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Sementara itu, 21% yang lain pula mendedahkan pembayaran faedah sebagai aliran tunai pembiayaan. Daripada 92 buah syarikat yang dikaji, terdapat 17 buah syarikat yang tidak membuat sebarang transaksi atas pembayaran faedah dalam tempoh kewangan tersebut.

Kajian oleh Ng *et al.* (1998), menunjukkan bahawa 71% daripada sampel syarikat yang dikaji mendedahkan pembayaran dividen sebagai aliran tunai pembiayaan, 28% daripada keseluruhan syarikat mempersembahkannya sebagai item aliran tunai kendalian dan hanya 1% daripada keseluruhan syarikat mempersembahkannya sebagai item aliran tunai pelaburan. Terdapat 10 buah syarikat yang mendedahkan pembayaran dividen sebagai aliran pelaburan. Kajian juga mendapati bahawa 32% daripada syarikat yang dikaji mendedahkan penerimaan faedah sebagai aliran tunai pelaburan, 64% yang lain sebagai aliran tunai kendalian dan hanya 4% daripada keseluruhan syarikat mempersembahkannya sebagai item

aliran tunai pembiayaan. Daripada 92 buah syarikat yang dikaji, didapati bahawa 61% buah syarikat mendedahkan butir penerimaan dividen sebagai aliran tunai pelaburan. Manakala, 39% daripada keseluruhan syarikat mendedahkan penerimaan dividen sebagai aliran tunai kendalian dan terdapat 56 buah syarikat yang tidak membuat sebarang transaksi atas penerimaan dividen dalam tempoh kewangan tersebut. Menurut kajian ini, amalan pendedahan pembayaran cukai pendapatan dalam penyata aliran tunai pula mendapati bahawa sebanyak 90 daripada 92 buah syarikat yang dikaji mendedahkan butir ini di dalam aliran tunai kendalian dan dua buah lagi syarikat pula tidak membuat sebarang pembayaran cukai pendapatan pada tahun kewangan tersebut.

Woon (1999), menjelaskan bahawa penyata aliran tunai merupakan satu peningkatan pencapaian daripada penyata aliran dana. Kebanyakan negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, dan Malaysia telah membuat keputusan untuk menerima pakai penyata aliran tunai sebagai pengganti kepada penyata aliran dana atau penyata perubahan dalam kedudukan kewangan sejak beberapa tahun lepas.

Namun begitu, pendedahan penyata aliran tunai di Malaysia tidak mempunyai satu keseragaman dalam pendedahan butir faedah, dividen, dan cukai pendapatan. Perkara ini dibuktikan oleh Ng (1999), dalam kajiannya terhadap amalan pendedahan penyata aliran tunai oleh syarikat-syarikat di Malaysia. Ng (1999), menjalankan kajian ke atas penyata kewangan bagi 85 buah syarikat yang tersenarai di BSKL tentang kaedah pendedahan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Dalam kajiannya, beliau mendapati bahawa sebanyak 91% daripada keseluruhan syarikat menggunakan kaedah tidak langsung dalam melaporkan aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Berdasarkan kajian Ng (1999), terdapat 90% buah syarikat daripada keseluruhan telah mempersembahkan pembayaran faedah sebagai item dalam aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Sementara itu, 10% yang lain pula mendedahkan pembayaran faedah sebagai aliran tunai pembiayaan. Daripada 85 buah syarikat yang dikaji, terdapat 12 buah syarikat yang tidak membuat sebarang transaksi atas pembayaran faedah dalam tempoh kewangan tersebut.

Kajian Ng (1999), menunjukkan bahawa 85% daripada sampel syarikat yang dikaji mendedahkan pembayaran dividen sebagai aliran tunai pembiayaan dan hanya 11% daripada keseluruhan syarikat mempersembahkannya sebagai item aliran tunai kendalian. Terdapat tiga buah syarikat yang mendedahkan pembayaran dividen sebagai aliran pelaburan. Kajian juga mendapati bahawa 66% daripada syarikat yang dikaji mendedahkan penerimaan faedah sebagai aliran tunai pelaburan dan 34% yang lain sebagai aliran tunai kendalian. Daripada 85 buah syarikat yang dikaji, didapati bahawa 95% buah syarikat mendedahkan butir penerimaan dividen sebagai aliran tunai pelaburan. Manakala, hanya 5% daripada keseluruhan syarikat mendedahkan penerimaan dividen sebagai aliran tunai kendalian (Ng, 1999). Seterusnya, dapatan kajian Ng (1999), tentang amalan pendedahan pembayaran cukai pendapatan dalam penyata aliran tunai pula mendapati bahawa sebanyak 84 daripada 85 buah syarikat yang dikaji mendedahkan butir ini di dalam aliran tunai kendalian dan sebuah lagi syarikat pula tidak membuat sebarang pembayaran cukai pendapatan pada tahun kewangan tersebut.

Suruhanjaya Sekuriti (2001), menjalankan kajian ke atas 100 buah syarikat di Malaysia mengenai kaedah pendedahan yang digunakan oleh syarikat tersebut dalam melaporkan aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 94 buah syarikat menggunakan kaedah tidak langsung berbanding enam buah syarikat yang menggunakan kaedah langsung.

Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh Ng (1999), adalah berdasarkan kepada IAS 7 (semakan), pada hakikatnya dalam persekitaran perakaunan di Malaysia pada masa kini telah mempunyai piawaian perakaunan yang sendiri dalam bidang-bidang yang tertentu. Terutamanya, MASB 5 yang memberi garis panduan tentang pendedahan dan pelaporan penyata aliran tunai dalam penyata kewangan. Sebagai langkah untuk meneliti dan mengkaji keberkesanan dan keseragaman amalan pendedahan penyata aliran tunai di Malaysia adalah lebih wajar satu kajian yang baru perlu dijalankan dengan berasaskan kepada MASB 5. Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan berasaskan kepada piawaian yang ditetapkan dalam MASB 5 untuk mengkaji implikasinya terhadap amalan pendedahan sebenar yang diamalkan oleh syarikat-syarikat yang tersenarai di Papan Utama BSKL.

METODOLOJI KAJIAN

Syarikat yang dijadikan sampel kajian dipilih daripada syarikat-syarikat yang tersenarai di Papan Utama BSKL dalam pelbagai jenis industri yang terdapat di Malaysia. Pengklasifikasian industri adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh BSKL. Teknik persampelan secara rawak digunakan dalam kajian ini seperti yang digunakan oleh Ng (1999) dan Ng *et al.* (1998) bagi tujuan pemilihan sampel kajian. Ng (1999) dan Ng *et al.* (1998) menggunakan analisis kandungan untuk menganalisis bahagian penyata aliran tunai dalam penyata kewangan tahunan bagi 85 buah syarikat tersenarai di BSKL. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Suruhanjaya Sekuriti (2001) ke atas 100 buah syarikat tersenarai di Malaysia juga menggunakan analisis kandungan untuk menganalisis kaedah pelaporan penyata aliran tunai yang didedahkan dalam penyata kewangan tahunan syarikat. Oleh yang demikian, analisis kandungan adalah sesuai digunakan dalam kajian ini. Senarai semakan disediakan sebagai alat untuk melaksanakan analisis kandungan untuk mendapatkan maklumat daripada kandungan penyata aliran tunai dalam laporan kewangan tahunan.

Secara keseluruhannya, sebanyak 98 buah syarikat dijadikan sampel daripada 513 buah syarikat yang tersenarai di Papan Utama BSKL sehingga 20 Julai 2001. Saiz sampel kajian ini ditentukan dengan merujuk kepada saiz sampel kajian yang lepas. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Ng (1999), sampel yang dipilih mewakili 18% daripada syarikat tersenarai di Papan Utama BSKL pada tahun 1999. Sementara itu, Suruhanjaya Sekuriti (2001), memilih 20% daripada 498 syarikat tersenarai di Papan Utama BSKL dalam kajiannya.

Oleh yang demikian, penentuan saiz sampel bagi kajian ini ialah 19% daripada jumlah populasi iaitu 98 daripada 513 buah syarikat. Pemilihan saiz sampel ini dibuat kerana saiz sampel tersebut masih berada dalam julat di antara kedua-dua kajian terdahulu. Pemilihan ini adalah untuk memastikan hasil kajian yang diperoleh adalah relevan dan menggambarkan situasi yang benar.

HASIL KAJIAN

Berikut dibentangkan hasil penemuan kajian.

Pelaporan Kaedah Aliran Tunai daripada Aktiviti Kendalian

Jadual 1, menunjukkan bahawa daripada 98 buah syarikat yang dipilih didapati bahawa 88 buah syarikat iaitu 89.8 peratus menggunakan kaedah tidak langsung dalam pendedahan aliran tunai daripada aktiviti kendalian dan hanya terdapat 10 buah syarikat iaitu 10.2 peratus yang menggunakan kaedah langsung dalam pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Manakala, Jadual 2, menunjukkan bahawa dari segi penyediaan penyata penyesuaian aliran tunai daripada aktiviti kendalian bagi syarikat yang menggunakan kaedah langsung didapati hanya sebuah syarikat sahaja yang menyediakan penyata penyesuaian aliran tunai.

Jadual 1: Pelaporan Kaedah Aliran Tunai daripada Aktiviti Kendalian

Alternatif Pengelasan	Kekerapan	Peratus
Kaedah langsung	10	10.2
Kaedah tak langsung	88	89.8
Jumlah	98	100

Jadual 2: Bilangan Syarikat yang Menyediakan Penyata Penyesuaian Aliran Tunai

Penyediaan Penyata Penyesuaian	Kekerapan	Peratus
Ya	1	10
Tidak	9	90
Jumlah	10	100

Keputusan kajian ini disokong dengan hasil kajian Suruhanjaya Sekuriti (2001), Ng (1999), dan Ng *et. al.* (1998) iaitu kebanyakan syarikat di Malaysia menggunakan kaedah tidak langsung berbanding dengan penggunaan kaedah langsung dalam pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Kesimpulannya, syarikat-syarikat di Malaysia lebih cenderung untuk menggunakan kaedah tidak langsung dalam melaporkan aliran tunai daripada aktiviti kendalian.

Pelaporan Pengelasan bagi Butiran Faedah, Dividen, dan Cukai Pendapatan

Jadual 3, menunjukkan bahawa terdapat 50.5 peratus daripada 98 buah sampel syarikat mengelaskan butir faedah diterima pada bahagian aliran tunai daripada aktiviti pelaburan. Sementara itu, terdapat 48.4 peratus syarikat mendedahkan butir faedah diterima pada bahagian aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Hanya terdapat 1.1 peratus daripada keseluruhan syarikat yang mengelaskan butir faedah diterima sebagai aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan. Selain itu, terdapat tujuh buah syarikat tidak mempunyai transaksi yang berkaitan dengan penerimaan faedah dalam tahun kewangan 2000.

Jadual 3: Pengelasan bagi Butir Faedah Diterima

Alternatif Pengelasan	Kekerapan	Peratus
Aliran tunai daripada aktiviti kendalian	44	48.4
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan	46	50.5
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan	1	1.1
Tiada transaksi	7	-
Jumlah	98	100

Jadual 4, menunjukkan bahawa amalan pengelasan bagi butir faedah dibayar oleh sampel syarikat. Sebahagian besar daripada syarikat iaitu 88.4 peratus mengelaskan butir faedah dibayar sebagai aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Selain itu, terdapat 10.4 peratus mengklasifikasikan butir faedah dibayar pada bahagian aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan dan hanya terdapat 1.2 peratus yang mendedahkan butir ini sebagai aliran tunai daripada aktiviti pelaburan. Sementara itu, terdapat 12 buah syarikat daripada keseluruhan tiada transaksi bagi butir ini.

Jadual 4: Pengelasan bagi Butir Faedah Dibayar

Alternatif Pengelasan	Kekerapan	Peratus
Aliran tunai daripada aktiviti kendalian	76	88.4
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan	1	1.2
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan	9	10.4
Tiada transaksi	12	-
Jumlah	98	100

Jadual 5, menunjukkan bahawa pengelasan bagi butir dividen diterima oleh sampel syarikat. Hasil kajian mendapati bahawa 86 peratus mengklasifikasikan butir dividen diterima sebagai aliran tunai daripada aktiviti pelaburan, 8.8 peratus dan 5.2 peratus daripada 57 buah syarikat yang mempunyai pendedahan bagi butir ini mendedahkan transaksi penerimaan dividen sebagai aliran tunai daripada aktiviti kendalian dan pembiayaan. Manakala, sebanyak 41 buah syarikat yang tidak mempunyai transaksi penerimaan dividen dalam sepanjang tahun kewangan 2000.

Jadual 5: Pengelasan bagi Butir Dividen Diterima

Alternatif Pengelasan	Kekerapan	Peratus
Aliran tunai daripada aktiviti kendalian	5	8.8
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan	49	86.0
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan	3	5.2
Tiada transaksi	41	-
Jumlah	98	100

Berdasarkan kepada Jadual 6, didapati bahawa 90.4 peratus daripada keseluruhan syarikat mengelaskan butir dividen dibayar sebagai aliran tunai daripada

aktiviti pembiayaan. Sementara itu, 8.2 peratus yang mengelaskan butir dividen dibayar sebagai aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Hanya terdapat 1.4 peratus yang mendedahkan butir ini dalam bahagian aliran tunai daripada aktiviti pelaburan. Manakala terdapat 25 buah syarikat daripada keseluruhan tidak mempunyai transaksi yang berkaitan dengan pembayaran dividen dalam tahun kewangan 2000.

Jadual 6: Pengelasan bagi Butir Dividen Dibayar

Alternatif Pengelasan	Kekerapan	Peratus
Aliran tunai daripada aktiviti kendalian	6	8.2
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan	1	1.4
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan	66	90.4
Tiada transaksi	25	-
Jumlah	98	100

Jadual 7, menunjukkan bahawa 98.9 peratus daripada keseluruhan syarikat mengkategorikan butir cukai pendapatan sebagai aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Manakala, tiada syarikat yang mendedahkan butir ini sebagai aliran tunai daripada aktiviti pelaburan. Sementara itu, 1.1 peratus yang mengelaskan butir cukai pendapatan sebagai komponen di dalam aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan. Selain itu, terdapat lima buah syarikat tidak membuat sebarang pembayaran cukai pendapatan dalam tahun kewangan 2000.

Jadual 7: Pengelasan bagi Butir Cukai Pendapatan

Alternatif Pengelasan	Kekerapan	Peratus
Aliran tunai daripada aktiviti kendalian	92	98.9
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan	-	-
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan	1	1.1
Tiada transaksi	5	-
Jumlah	98	100

Keputusan kajian bagi pengelasan bagi butiran faedah, dividen dan cukai pendapatan juga disokong oleh kajian Ng (1999), yang mendapati kebanyakan syarikat melaporkan butir faedah diterima sebagai aliran tunai daripada aktiviti pelaburan manakala faedah dibayar sebagai aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Bagi butir dividen diterima kebanyakan syarikat mengklasifikasikan sebagai aliran tunai daripada aktiviti pelaburan manakala bagi butir dividen dibayar dikelaskan sebagai aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan. Bagi butir cukai pendapatan pula didapati kebanyakan syarikat melaporkan sebagai aliran tunai daripada aktiviti kendalian.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa dapatan yang diperoleh memenuhi kehendak keperluan MASB 5 Para 31 yang mana mengkehendaki aliran tunai daripada faedah dan dividen yang diterima dan dibayar perlu didedahkan secara berasingan dan setiap satunya perlu dikelaskan sama ada sebagai aktiviti kendalian, pelaburan atau pembiayaan. Dapatan kajian juga memenuhi MASB 5 Para 35 yang

mana aliran tunai daripada cukai pendapatan perlu didedahkan secara berasingan dan perlu dikelaskan sebagai aliran tunai daripada aktiviti kendalian.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini dapat merumuskan dua dapatan utama iaitu :

Pelaporan Kaedah Aliran Tunai daripada Aktiviti Kendalian

Berdasarkan kepada analisis yang dilakukan, didapati bahawa kebanyakan syarikat di Malaysia gemar menggunakan kaedah tidak langsung berbanding dengan penggunaan kaedah langsung dalam pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Dengan kata lain, kaedah tidak langsung merupakan kaedah yang popular digunakan bagi pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan yang diperolehi oleh kajian Suruhanjaya Sekuriti (2001), Ng (1999), dan Ng *et. al.* (1998).

Pelaporan Pengelasan bagi Butiran Faedah, Dividen, dan Cukai Pendapatan

Berdasarkan kepada analisis yang dilakukan, didapati bahawa kebanyakan syarikat melaporkan butir faedah diterima sebagai aliran tunai daripada aktiviti pelaburan manakala faedah dibayar sebagai aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Bagi butir dividen diterima kebanyakan syarikat mengklasifikasikan sebagai aliran tunai daripada aktiviti pelaburan manakala bagi butir dividen dibayar dikelaskan sebagai aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan. Bagi butir cukai pendapatan pula didapati kebanyakan syarikat melaporkan sebagai aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian Ng (1999), yang mendapati bahawa kebanyakan syarikat melaporkan butir faedah diterima sebagai aliran tunai daripada aktiviti pelaburan manakala faedah dibayar sebagai aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Manakala, bagi butir dividen diterima kebanyakan syarikat mengklasifikasikan sebagai aliran tunai daripada aktiviti pelaburan manakala bagi butir dividen dibayar dikelaskan sebagai aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan. Seterusnya, bagi butir cukai pendapatan pula didapati kebanyakan syarikat melaporkan sebagai aliran tunai daripada aktiviti kendalian. Namun begitu, secara keseluruhan dapatan kajian ini menyamai dengan dapatan dalam kajian Ng *et al.* (1998), cuma berbeza dari segi kebanyakan syarikat melaporkan butir faedah diterima sebagai aliran tunai daripada pelaburan tetapi Ng *et. al.* (1998), mendapati bahawa kebanyakan syarikat melaporkan sebagai aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan.

KESIMPULAN DAN CADANGAN UNTUK KAJIAN AKAN DATANG

Kertas kerja ini membentangkan dapatan awal yang berkaitan dengan pelaporan penyata aliran tunai di Malaysia bagi syarikat yang tersenarai di Papan Utama BSKL. Manakala, tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk mengkaji kaedah pelaporan penyata aliran tunai daripada aktiviti kendalian dan pengelasan bagi butiran faedah, dividen dan cukai pendapatan di dalam penyata kewangan. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan kaedah tidak langsung adalah kaedah yang lazim dan gemar digunakan oleh syarikat yang tersenarai di Papan Utama BSKL dan terdapat

kepelbagaian dalam pelaporan butiran faedah, dividen dan cukai pendapatan yang mana ia bergantung kepada amalan dan jenis perniagaan yang dijalankan. Pelaporan pengelasan butiran bagi faedah, dividen dan cukai pendapatan di dalam penyata kewangan adalah memenuhi keperluan MASB 5.

Berdasarkan kepada keputusan kajian ini dan kajian-kajian lepas, pengkaji mencadangkan beberapa cadangan untuk kajian akan datang supaya dapat menambahkan lagi pengetahuan masyarakat tentang isu pelaporan penyata aliran tunai di dalam laporan tahunan. Memandangkan kajian pelaporan penyata aliran tunai ini merupakan satu kajian awal, seharusnya satu kajian lanjutan boleh dilakukan bagi melihat mengapa kaedah tidak langsung begitu digemari dan popular di kalangan syarikat dalam melaporkan aliran tunai daripada aktiviti kendalian di dalam laporan tahunan.

Selain itu, pengkaji ingin menyarankan kajian dilakukan ke atas amalan pelaporan yang diamalkan oleh industri-industri tertentu. Ini bertujuan untuk mendapat gambaran mengenai praktis pelaporan yang diamalkan oleh syarikat dalam industri tersebut dengan lebih mendalam lagi. Seterusnya, perhubungan di antara jenis industri dengan pelaporan penyata aliran tunai dapat dikaji. Tambahan pula, hubungan antara ciri syarikat (seperti firma audit, saiz syarikat dan nisbah kewangan) dengan amalan pelaporan penyata aliran tunai turut boleh dikaji.

BIBLIOGRAFI

- International Accounting Standards Committee. 2001. *Cash Flow Statement*. United States of America. (IAS 7).
- Jones, Stewart, and Widjaja, L. 1998. *The Decision Relevance of Cash-Flow Information: A Note*. *Abacus*. 34. 204 – 219.
- Jones, K.H., Price, J.B., Werner, M.L. and Doran, M.S. 1996. *Introduction to Financial Accounting: A User Perspective*. Englewood Cliffs, New Jersey. Prentice Hall.
- Kintzele, P.L. 1997. *Implementing SFAS 95, Statement of Cash Flows*. *The CPA Journal Online*.
- Krishnan, G.V. and Largay III, J.A. 1998. *The Predictive Ability of Direct Method Cash Flow Information*. AAA.
- Malaysian Accounting Standards Boards 5. 1999. *Cash Flow Statements*. Kuala Lumpur. (MASB 5).
- Ng Eng Juan. 1999. Cash Flow Statement: An Empirical Study of the Disclosure Practices of Malaysia Companies. *Akauntan Nasional*. July: 6 – 11.
- Ng Eng Juan et. al. 1998. *Accounting and Disclosure Practices of Listed Companies in Singapore*. Singapore. Prentice Hall.

Suruhanjaya Sekuriti. 2001. *Kenyataan Akhbar Berita Harian – SC Mengingatkan Syarikat Awam Tersenarai – Penyata Kewangan Mesti Mematuhi Piawaian Perakaunan yang Diluluskan*. Kuala Lumpur.

Woon Chin Chan. 1999. "The Important of Cash Flow Statements". *Akauntan Nasional*. May. Vol 12: 19 – 20.